**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 20**
**RUANGAN : IMBASAN 2020**

# Doktor adiwira negara

## TAN SRI DR NOOR HISHAM ABDULLAH, 57



**TIDAK** disangkal lagi pemilik nama ini merupakan antara individu paling terkenal dan berpengaruh di Malaysia pada tahun 2020. Manakan tidak, sebut sahaja isu tentang Covid-19, insan pertama terlintas di fikiran pastinya Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Selaku Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia tanpa gagal hampir setiap hari menyampaikan laporan terperinci situasi terkini Covid-19 untuk rujukan rakyat.

Walaupun diangkat sebagai antara manusia popular di Malaysia dan menerima pengiktirafan dunia namun, Noor Hisham menegaskan segala pujian dan pengiktirafan yang diterima bukanlah untuk dirinya sebaliknya untuk negara.